

Irshad: Adakan program perantis berstruktur

ANGGOTA Parlimen Dilantik (NMP), Encik Mohamed Irshad Abbas Ali, menyarankan agar rangka kerja bagi sebuah program perantisan berstruktur dapat diwujudkan.

Di bawah program itu, pelajar akan menjalani latihan yang akhirnya membolehkan mereka meraih ijazah sarjana muda penuh atau kelayakan diiktiraf industri, kata beliau.

Program sedemikian, seperti yang dilaksanakan di United Kingdom (UK) dan Jerman, akan membolehkan pelajar meraih pendapatan dan dilatih dalam kemahiran yang dikehendaki majikan, tambahnya.

Encik Irshad berkata idea itu bukan sesuatu yang baru, dengan terdapat program latihan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) kini yang memberi manfaat kepada kedua-dua majikan dan pekerja, dan membolehkan pelajar mendapat kelayakan ITE mereka sambil meraih pengalaman praktikal.

Di samping itu, Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) menawarkan program sarjana muda sambil kepada individu yang ingin bekerja sambil belajar.

“Satu kemajuan semula jadi adalah untuk memanfaatkan rangka kerja sedia ada ini dan memperluaskan tawaran bekerja sambil belajar dalam sistem kami.

“Saya yakin program-program SkillsFuture kami akan menyaksikan kadar penyertaan lebih tinggi jika kami dapat menyediakan laluan praktikal ke arah kejayaan,” kata beliau.

Encik Irshad juga mengutarakan soalan sama ada kursus dalam talian terbuka (MOOC) atau teknologi e-pembelajaran serupa boleh dimanfaatkan supaya setiap lapisan pekerja berpeluang mempertingkatkan kemahiran mereka.

Beliau berkata buat masa ini, program SkillsFuture tidak merangkumi pekerja yang tidak dapat mengubah jadual kerja mereka, seperti pekerja syif.



ENCIK MOHAMED IRSHAD ABBAS ALI
(ANGGOTA PARLIMEN DILANTIK)

Beliau menambah bahawa sejak dua bulan lalu, institut pengajian tinggi juga telah beralih kepada e-pembelajaran menyusuli situasi wabak coronavirus.

“Langkah ini dengan jelas menunjukkan bahawa prasarana, platform dan sistem yang diperlukan telah dilaksanakan dengan baik.

“Malah, terdapat banyak model sedia ada bagi perkhidmatan awam pertimbangkan.

“Sinergi sedemikian berpotensi menyediakan asas bagi sebuah universiti awam, terbuka yang menawarkan laluan pengajian tinggi berstruktur alternatif ditubuhkan bagi mereka yang ingin mempertingkatkan diri sendiri bagi kemaraan kerjaya mereka,” kata beliau.